

ULASAN KES

LEORALIS (M) SDN BHD* *LWN RHB BANK BHD* *[2009] 10 CLJ 248

Muhammad Muqris Alif bin Zairiasdi
qrsalif@gmail.com

Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

Kes ini telah mempertikaikan isu sama ada sesebuah sesebuah bank itu bertanggung terhadap kesalahan frod atau penipuan pengeluaran wang menerusi cek yang telah dilakukan oleh pekerja syarikat pelanggannya.

FAKTA KES

Dalam kes ini, plaintif, Leoralis (M) Sdn Bhd, telah membuka akaun semasa dibawah bank defendan, RHB Bank Bhd. Defendan telah mengeluarkan sebanyak 31 cek yang telah disahkan oleh plaintif sehingga jumlahnya mencecah RM138, 997.79. Dalam tempoh 20 Jun 2002 sehingga 21 Jun 2002, 26 Jun 2002 sehingga 27 Jun 2002, 4 Julai 2002 sehingga 5 Julai 2002, 9 Julai 2002 dan 10 Julai 2002 sehingga 12 Julai 2002, pihak defendan telah menunaikan 31 cek sehingga mencecah RM138,997.79. Kemudiannya, jumlah wang tersebut telah dikeluarkan daripada akaun plaintif dalam jumlah yang sama.

HUJAHAN PIHAK YANG TERLIBAT

Plaintif

Plaintif dalam kes ini telah mendakwa bahawa tandatangan yang telah ditandatangani di atas cek adalah palsu dan tidak benar serta tidak ditandatangani oleh pihak yang telah diiktiraf oleh plaintif. Dalam tempoh

20 Jun 2002 sehingga 21 Jun 2002, 26 Jun 2002 sehingga 27 Jun 2002, 4 Julai 2002 sehingga 5 Julai 2002, 9 Julai 2002 dan 10 Julai 2002 sehingga 12 Julai 2002, pihak defendan telah menunaikan 31 cek sehingga mencecah RM138,997.79. Plaintiff menghujahkan bahawa defendan tidak mempunyai hak untuk menunaikan cek tersebut dan tindakan defendan telah menyalahi perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Plaintiff mendakwa bahawa defendan tiada bidang kuasa untuk membenarkan pembayaran cek tersebut dan defendan telah melakukan pembayaran itu bertentangan dengan mandat yang telah diberikan oleh plaintiff. Plaintiff memohon agar dapat dipulangkan semula sejumlah wang yang telah dikeluarkan oleh pihak defendan.

Plaintiff telah berhujah bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara tandatangan di atas cek yang telah ditunaikan dan tandatangan John E Dixon di atas kad. Selain itu, defendan telah gagal dalam memerhatikan transaksi bank yang sempurna. Plaintiff dalam kes ini juga telah menghujahkan bahawa pihak defendan telah berhutang sebanyak RM138,997.79 kepada plaintiff.

Defendan

Defendan dalam kes ini telah menghujahkan bahawa walaupun Juliana Siew (Siew), pekerja plaintiff yang telah menandatangani cek tersebut, tidak dengan jelaskan dinyatakan sebagai orang yang diiktiraf oleh plaintiff untuk menandatangani cek, Siew sebenarnya telah secara tersirat terjumlah kepada orang yang diiktiraf oleh plaintiff untuk menguruskan segala transaksi bank dengan defendan berkaitan akaun semasa plaintiff. Nama Siew telah berada di atas kad spesimen dan defendan selalu menghubunginya berkenaan transaksi bank plaintiff. Maka, defendan mendakwa bahawa adalah menusabah untuk defendan mentafsirkan bahawa Siew ialah orang yang telah diiktiraf oleh plaintiff dalam segala transaksi bank ataupun berkenaan akaun semasa plaintiff.

Defendan juga telah menghujahkan bahawa pemalsuan yang telah dilakukan oleh Siew adalah atas sebab kecuaiannya plaintiff. Plaintiff telah gagal untuk memantau tugas Siew sebagai akauntan plaintiff. Plaintiff juga telah gagal untuk melihat buku cek yang diisukan oleh defendan bagi memantau semua transaksi bank yang telah dijalankan antara defendan dengan plaintiff.

ISU

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengeluarkan empat isu yang harus diputuskan oleh mahkamah, iaitu:

- a. Apakah terma yang dipersetujui antara plaintif dan defendan dalam membuka akaun semasa antara plaintif dan defendan?
- b. Sama ada Cik Juliana Siew merupakan wakil yang dibenarkan oleh plaintif dalam urusan transaksi bank plaintif dan operasi terhadap akaun plaintif dengan defendan.
- c. Sama ada defendan telah mengikut segala prosedur dan asas praktis bank untuk mengesahkan dan membuat pembayaran terhadap 31 cek yang dikeluarkan.
- d. Sama ada penipuan yang dilakukan oleh Juliana Siew terjumlah kepada kecuaiian plaintif sendiri.

PENGHAKIMAN

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengetepikan permohonan dengan kos atas alasan bahawa defendan telah mematuhi semua terma yang dipersetujui bersama yang terkandung untuk “Opening of Account Form”. Selain itu, walaupun Juliana Siew (Siew), pekerja plaintif, bukanlah seorang yang diiktiraf oleh plaintif untuk mewakilinya, tetapi Siew telah mewakili dirinya sebagai wakil yang diiktiraf oleh plaintif untuk berhubung dengan defendan dalam hal berkaitan bank. Cek yang dikeluarkan oleh defendan juga berdasarkan suci hati dan mengikut segala prosedur yang telah ditetapkan serta tiada unsur kecuaiian pada pihak defendan. Mahkamah juga memutuskan bahawa penipuan yang dilakukan oleh Siew sewaktu dia menjadi pekerja plaintif adalah berdasarkan kecuaiian plaintif sendiri. Plaintif telah gagal menyelia dan memantau tugas Siew sebagai akauntan dan/atau pegawai korporat plaintif. Plaintif juga gagal memeriksa buku cek yang dikeluarkan oleh defendan dan melihat segala transaksi yang diluluskan untuk dibayar tunai oleh defendan.

Untuk memutuskan bagi isu pertama, iaitu apakah terma yang dipersetujui antara plaintif dan defendan ketika membuka akaun semasa antara plaintif dan defendan, mahkamah memutuskan bahawa semasa plaintif membuka akaun semasa No. 21444600010440 dengan defendan, plaintif telah bersetuju dengan inter alia oleh defendan, iaitu wakil yang dibenarkan untuk memberikan tandatangan di atas cek ialah Gordon Stuart Bell, William Leslie Addington, John E Dixon dan Ling Hee Keat.

Selain itu, mana-mana cek berjumlah RM5,000 dan ke bawah boleh ditandatangani oleh mana-mana empat wakil yang diiktiraf oleh plaintif dan untuk cek yang bernilai lebih RM5,000 akan ditandatangani oleh dua daripada empat wakil yang diiktiraf. Akhir sekali, pekerja plaintif, iaitu Cik Juliana Siew akan menjadi orang yang akan selalu berhubung dengan pihak defendan. Dengan melihat kepada persetujuan yang dipersetujui, mahkamah berpuas hati bahawa defendan telah mematuhi segala terma dalam borang membuka akaun.

Bagi isu kedua, iaitu sama ada Siew merupakan wakil yang dibenarkan oleh plaintif dalam urusan transaksi bank plaintif dan operasi terhadap akaun plaintif dengan defendan, mahkamah memberikan pandangan bahawa walaupun Siew tidak secara tersuratnya dinamakan sebagai wakil yang diiktiraf oleh plaintif, dia telah bertindak mewakili dirinya sebagai wakil yang diiktiraf oleh plaintif dalam berhubung dengan defendan bagi segala masalah mengenai bank yang mempunyai kaitan rapat dengan akaun semasa bersama defendan. Dengan melihat kepada bukti-bukti dan saksi yang ada, Siew merupakan satu-satunya wakil daripada plaintif yang berhubung dengan defendan mengenai masalah bank.

Sepanjang tempoh transaksi dilakukan, pihak defendan tidak mendapat mana-mana surat daripada wakil yang diiktiraf oleh plaintif melainkan daripada Siew sendiri. Saksi daripada defendan juga memberikan testimoninya dengan mengatakan bahawa jikalau ada pun urusan bank yang memerlukan pengesahan oleh plaintif, pihak bank akan terus menghubungi Siew. Dalam hal ini, adalah munasabah untuk defendan menyimpulkan bahawa Siew, secara tersiratnya, merupakan wakil yang diiktiraf oleh plaintif dalam segala urusan transaksi akaun semasa dengan defendan.

Isu ketiga mengenai sama ada defendan telah mengikut segala prosedur dan asas praktis bank dalam pengesahan dan membuat pembayaran terhadap 31 cek yang dikeluarkan. Terdapat bukti yang ditunjukkan bahawa defendan langsung tidak menerima apa-apa panggilan daripada plaintif supaya berhenti daripada mengeluarkan wang daripada akaun semasa miliknya. Dengan melihat kepada saksi daripada pihak defendan maka mahkamah memutuskan bahawa defendan telah mengikut segala bank prosedur dalam membenarkan pengeluaran cek tersebut.

Pada Julai 2002, saksi daripada pihak defendan telah peka atas tuduhan plaintif yang mengatakan terdapat pengeluaran wang yang tidak diiktiraf daripada akaun plaintif. Semasa pengeluaran tersebut, saksi defendan tidak mengesyaki apa-apa atas sebab tandatangan di atas cek itu sama seperti tandatangan Encik John E. Dixon. SD4, SPICK-KL Centre, telah

memastikan dan mengesahkan tandatangan yang terkandung di atas cek itu dengan menggunakan sistem yang mampu mengecam tandatangan di atas kad oleh pelanggan bank. Semua saksi defendan berpuas hati bahawa tandatangan tersebut selari dengan tandatangan milik Encik John E. Dixon.

Mahkamah memutuskan bahawa defendan telah melakukan pekerjaan mereka dengan suci hati. Defendan telah mengikut segala prosedur yang ditetapkan dalam melakukan tugas mereka. Elemen kecuaiian bagi pihak defendan tidak berjaya dibuktikan. Seksyen 95 dalam Akta Bil Pertukaran 1949 telah mendefinisikan perkataan “suci hati” sebagai perbuatan yang dilakukan dengan jujur sama ada pelaksanaannya dilakukan dengan cuai atau tidak. Merujuk dalam seksyen 82(1), dalam akta yang sama, dalam keadaan apabila pihak bank dengan suci hati melakukan pekerjaannya untuk menjelaskan cek tersebut secara tunai, bank tidak bertanggung. Di bawah seksyen 85(1) dalam akta yang sama juga memperuntukkan bahawa apabila pihak bank dengan suci hatinya dan tidak cuai menerima pembayaran daripada pelanggan berkenaan satu instrumen dan pelanggan tidak berhak atas instrumen tersebut, pihak bank tidak bertanggung atas pemilik sebenar instrumen tersebut.

Isu keempat pula ialah sama ada penipuan yang dilakukan oleh Juliana Siew terjumlah kepada kecuaiian plaintif sendiri. Juliana Siew merupakan pekerja kepada plaintif. Mahkamah memutuskan bahawa penipuan yang dilakukan oleh Siew akibat kecuaiian plaintif. Mahkamah telah menyenaraikan tanggungjawab yang harus dilakukan oleh plaintif kepada akaunnya dan Juliana Siew, iaitu memantau Siew sebagai akaunant plaintif dan melakukan pemeriksaan terhadap buku cek dan segala transaksi bank yang telah dilakukan oleh defendan.

Plaintif telah cuai untuk memantau Siew, memastikan Siew melakukan pekerjaannya dengan jujur, gagal untuk memeriksa buku cek yang dikeluarkan, menyerahkan bulat-bulat kepada Siew untuk memegang buku cek serta melakukan transaksi bank, dan gagal untuk lebih berhati-hati dalam hal kewangan. Bukti yang dikeluarkan telah jelas menyatakan bahawa Siew yang memegang buku cek itu. Dia juga menjadi pengurus syarikat dan melihat invois yang dikeluarkan serta menandatangani semua baucer yang dikeluarkan serta penyediaan cek. Selain itu, tiada siapa yang memantau Siew dalam pekerjaannya.

Dalam situasi seperti ini, mahkamah telah bersetuju dengan penghakiman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Bank Bhd lwn Anuar Hong & Ors* [2005] 1 CLJ 289 apabila pelanggan dengan jelasnya mempunyai tanggungjawab untuk tidak membuat sebarang

penipuan. Responden, sebagai majikan, sepatutnya melakukan pemerhatian dengan teliti terhadap bahagian kewangan, tetapi dalam kes ini, responden telah gagal melakukan tanggungjawab tersebut. Merujuk seksyen 73A Akta Bil Pertukaran 1949, tandatangan di atas cek itu palsu dan orang yang menandatangani cek tersebut tahu atau dengan cuainya melakukan pemalsuan, tandatangan itu akan kekal beroperasi dan bukan lagi menjadi tanggungjawab orang yang menunaikan cek itu dengan “suci hati” untuk melihat sama ada cek itu palsu atau tidak.

PERBINCANGAN

Berdasarkan keputusan kes yang lepas yang telah diputuskan, iaitu *Public Bank Bhd lwn Anuar Hong & Ong [2005] 1 CLJ 289*, keputusan penghakiman bagi kes ini dilihat selaras dan wajar. Dalam kes terdahulu tersebut, plaintif merupakan pemegang akaun semasa di bank defendan. Plaintif menuntut ganti rugi sebanyak RM19,000 bagi penunaian cek secara salah oleh pihak defendan. Cek-cek tersebut telah dibuat secara pemalsuan tandatangan oleh kerani plaintif. Pada mulanya, Mahkamah Majistret telah membenarkan tuntutan tersebut. Kemudian, perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Zaleha Zahari H memutuskan bahawa perayu tidak bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami atas dasar kecuaiannya yang telah berlaku pada pihak responden kerana gagal memantau tugas keraninya dan gagal memeriksa penyata bulanan mereka. Perayu dalam kes ini telah menjalankan tugas mereka secara “suci hati”.

Hal yang sama diaplikasikan dalam kes ini, iaitu pihak plaintif telah cuai memantau pekerjaanya Siew dalam segala transaksi bank yang dilakukan. Plaintif dalam kes ini dianggap sebagai pelanggan kepada bank kerana pelanggan bank didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai akaun dalam satu bank tersebut dan akaun tersebut mestilah akaun semasa, simpanan ataupun apa-apa akaun yang relevan seperti yang telah diputuskan dalam kes *Great Western Railway Co v London and Country Banking Co Ltd [1901] AC 414*. Dalam kes *Commissioners of Taxation v English, Scottish and Australian Bank Ltd [1920] AC 683*, mahkamah telah memutuskan bahawa pelanggan ialah seorang yang mempunyai hubungan dengan bank dalam pembayaran ke dalam akaun walaupun dalam satu cek tunggal. Dalam kes yang dibincangkan, plaintif merupakan pelanggan kepada defendan. Atas sebab plaintif mempunyai akaun semasa dengan defendan serta telah melakukan transaksi penunaian cek dengan defendan dalam segala urusan mengenai bank, maka tindakan plaintif yang mempunyai akaun dalam bank

milik defendan telah menunjukkan bahawa plaintif merupakan pelanggan kepada defendan.

Dalam kes ini, defendan telah bertindak dalam tugasnya sebagai seorang banker kerana telah menjalankan aktiviti seperti mengemas kini akaun semasa, melakukan transaksi pembayaran cek dan mengemas kini setiap cek yang dikeluarkan oleh pelanggan. Tugas ini merupakan tugas bank yang telah disenaraikan dalam kes *United Dominions Trust, Ltd v Kirkwood [1966] 1 All ER 968*. Dalam Akta Bil Pertukaran 1949 telah mendefinisikan banker sebagai badan yang melakukan perniagaan bank. Pengertian perniagaan bank boleh dirujuk di bawah seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, iaitu satu perniagaan yang menerima deposit atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan dan akaun yang relevan, kemudian menunaikan atau menyimpan cek yang diberikan oleh pelanggan. Dalam kes *N. Joachimson v Swiss Bank Corporation Ltd (1921) 3 KB 110*, mahkamah telah menyenaraikan antara tugas bank ialah banker hendaklah menerima duit dan instrumen kewangan yang lain contohnya seperti cek. Bank juga hendaklah menunaikan sejumlah wang yang diperlukan oleh pelanggan, contohnya seperti yang telah ditulis di atas cek. Oleh sebab itu, defendan merupakan seorang banker dan perniagaan bank yang dilakukan oleh mereka adalah sah menurut undang-undang.

Merujuk Peget's Law of Banking yang tulis oleh Mark Hapgood, yang telah melihat kepada kes *National Westminster Bank Ltd v Barclays Bank International Ltd [1983] 1 All ER 1073*, mahkamah memutuskan bahawa:

1. Bank tidak mempunyai tanggungjawab berhati-hati terhadap pelanggan sekiranya ketika menunaikan cek, ia dibuat dalam keadaan urusan bank yang biasa;
2. Bank tidak perlu membuktikan bahawa tandatangan yang dibuat atas cek adalah palsu; dan
3. Bank tidak perlu bertanggungjawab terhadap segala cek yang ditunaikan walaupun bank berasa terdapat keraguan bagi urusan tersebut.

Maka, defendan dikatakan telah melakukan tugas mereka secara "suci hati" atas dasar bahawa selama ini Siew merupakan orang yang akan selalu dihubungi oleh defendan dalam segala urusan mengenai transaksi bank. Hal ini boleh dirujuk dalam fakta kes.

Plaintif sepatutnya memantau segala tugas yang diberikan kepada Siew serta segala transaksi bank yang telah dilakukan supaya tiada penyalahgunaan

kuasa yang menyebabkan kerugian pada pihak plaintif kerana tugas itu sepatutnya dijalankan oleh plaintif. Prinsip kepada hujahan yang diberikan ini ialah seorang pelanggan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan segala tugas yang dilakukan telah dilakukan dengan munasabah dan tidak melakukan pemalsuan cek seperti yang telah diputuskan dalam kes *London Joint Stock Bank v Macmillan and Arthur (1918) AC 777*. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan London Stock Bank mempunyai tugas untuk memastikan bahawa segala cek yang ditunaikan hendaklah bebas daripada pemalsuan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, apabila kita mengaplikasikan prinsip dalam kes Macmillan dan Aurthur ataupun lebih dikenalkan sebagai “Macmillan’s Duty”, pelanggan hendaklah lebih berhati-hati dalam urusan berkaitan dengan kewangan kerana pihak bank tidak akan bertanggungjawab terhadap segala pemalsuan cek sekiranya mereka telah melakukan tugas mereka dengan berhati-hati dan berdasarkan “suci hati”. Sekiranya pihak plaintif dalam kes ini melakukan tindakan yang munasabah, iaitu seperti selalu memeriksa buku akaun cek yang dipegang oleh Siew, penghakiman dalam kes ini berkemungkinan akan memihak kepada pihak plaintif. Hal ini kerana, walaupun mereka telah melakukan tindakan yang munasabah, bank masih tetap menunaikan cek tersebut. Maka, dalam hal yang sedemikian, bank bertanggung atas kerugian yang dialami oleh plaintif.

RUJUKAN

Akta Bil Pertukaran 1949 (Akta 204).

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758).

Commissioners of Taxation v English, Scottish and Australian Bank Ltd [1920] AC 683.

London Joint Stock Bank v Macmillan and Arthur (1918) AC 777.

Great Western Railway Co v London and Country Banking Co Ltd [1901] AC 414.

London Joint Stock Bank v Macmillan and Arthur (1918) AC 777.

Public Bank Bhd *lwn* Anuar Hong & Ong [2005] 1 CLJ 289.

N. Joachimson v Swiss Bank Corporation Ltd (1921) 3 KB 110.

National Westminster Bank Ltd v Barclays Bank International Ltd [1983] 1 All ER 1073.

United Dominions Trust, Ltd v Kirkwood [1966] 1 All ER 968.